

**KEBERKESANAN LORONG KHAS MOTOSIKAL DALAM
MENGURANGKAN KEMALANGAN YANG MELIBATKAN MOTOSIKAL
KAJIAN KES: KM 51-59 JALAN PONTIAN KECIL – JOHOR BAHRU DAN KM 63-73
PONTIAN KECIL – BATU PAHAT**

KALTHUM BINTI JAMALLUDIN

Laporan projek ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah



Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER, 2005

ABSTRAK

Kemalangan jalanraya yang melibatkan motosikal meningkat dari masa ke semasa. Lorong khas motosikal merupakan salah satu alternatif dalam mengurangkan kemalangan melibatkan motosikal tetapi sejauhmana keberkesannya dalam mencapai objektifnya. Pembinaannya pula bukanlah satu perkara yang mudah kerana ia menelan belanja yang besar. Tiga parameter digunakan untuk menguji keberkesanan ini melalui perbandingan jumlah kemalangan motosikal sebelum dan selepas pembinaan lorong, tahap penerimaan dan penggunaannya serta penguatkuasaan undang-undang ke atas lorong ini. Melalui kaedah pemerhatian dan soalselidik yang dibuat, hasil analisis menunjukkan bahawa kewujudan lorong tersebut berjaya mencapai objektifnya untuk mengurangkan kemalangan motosikal tetapi hanya di Km 63-73 Jalan Pontian Kecil – Batu Pahat. Kekerapan penggunaannya pula masih ditahap yang tidak memuaskan. Penunggang motosikal merasa tidak selamat semasa menggunakannya kerana keadaan fizikal lorong yang telah rosak dan turapan yang tidak rata. Tahap kefahaman pengguna jalan raya terhadap arahan berkaitan lorong menunjukkan hasil yang positif tetapi ada juga kekeliruan yang timbul berkaitan mesej-mesej yang disampaikan di sekitar lorong. Selain itu, penyalahgunaan lorong motosikal oleh pengguna lain berleluasa kerana tiada penguatkuasaan undang-undang yang ketat. Bagi meningkatkan keberkesanan lorong motosikal ini, langkah terbaik yang difikirkan perlu adalah dengan menjalankan pembaikan keadaan fizikal lorong, mengadakan kempen keselamatan lalulintas, menjalankan pewartaan, menguatkuasakan undang-undang, mewujudkan garis panduan lorong khas motosikal dan menggalakkan kerjasama dari pengguna jalan raya itu sendiri. Secara keseluruhannya, pembinaan lorong khas motosikal di dalam kawasan kajian telah berjaya mencapai objektif penyediaannya. Walaupun terdapat beberapa perkara yang kurang diberi penekanan, ia masih boleh diperbaiki lagi bagi meningkatkan lagi tahap penggunaannya pada masa akan datang.

ABSTRACT

Motorcycle accidents have increased from the past statistical data. Motorcycle lane is one of the alternatives to reduce the problem but how effective it is in achieving its objectives. Construction of motorcycle lanes have incurred high cost. According to Jabatan Kerja Raya (JKR), the cost of build the lanes reach up to RM 1.7 million for one kilometer. Three parameters are used to test the effectiveness of these motorcycle lanes by comparing the number of motorcycle accidents before and after the lanes are built, road user acceptance and the enforcement to use the lanes. From the observation and survey carried out, it was found that the motorcycle lanes in the study area success have achieved satisfy in meeting the objectives to reduce the motorcycle accident especially at Km 63-73 Jalan Pontian Kecil – Batu Pahat. Motorcycle riders do not feel safe because the road pavement was not maintained. Road users understanding about signboard instructions at the vicinity was well adapted but was mislack by the colouring of motorcycle lanes. Besides that, lack of strict enforcement to use the motorcycle lanes were still under utilization. The major solution to increase the effectiveness of motorcycle lanes in reducing the motorcycle accident, are improving the physical lanes conditions, conduct a road safety campaign, broaden gazette with electronic and printed media, strict enforcement, motorcycle lanes guidelines and encourage cooperation from all road users. In conclusion, motorcycle lane in the study area was successfully overcome the major problem of motorcycle accidents. Although some aspect lack emphasis, can still improve to encourage more uses in the future.